

25 JUN 1998

RAFIDAH-APEC/I

APEC JADI LANDASAN BAGI FAEDAH BERSAMA, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Malaysia mahu melihat APEC digunakan oleh setiap orang untuk membuka pasaran bagi faedah bersama, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pembukaan rasmi "SMI Showcase 1998" oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, beliau berkata, "Kami tidak mahu menggunakan APEC sebagai kuasa untuk membuka ekonomi negara-negara lain. Malaysia tidak mahu berada pada kedudukan itu."

Rafidah juga berkata, semua negara anggota APEC mahu melihat pasaran mereka dibuka ketika dan apabila ia berkemungkinan.

"Keluwasan adalah sangat penting kerana ia akan menjaga kepentingan setiap orang. Tiada siapa yang mempunyai tanggapan bahawa kita boleh menggunakan APEC untuk membuka pasaran negara lain. APEC adalah untuk faedah bersama."

Bercakap ketika majlis pembukaan sebelum itu, beliau berkata kejayaan hubungan merentasi sempadan secara asasnya bergantung kepada sokongan syarikat-syarikat besar, terutamanya syarikat multinasional yang membuka peluang kepada industri kecil dan sederhana (IKS) untuk menjadi pembekal bahagian dan komponen yang kompetitif.

Berdasarkan kepada operasi global syarikat-syarikat besar, hubungan antara IKS dengan perbadanan multinasional (MNC) akan berfungsi sebagai papan anjal bagi syarikat-syarikat IKS Malaysia untuk menerokai pasaran global, katanya.

Beliau yakin dengan sokongan yang disediakan oleh rangkaian operasi MNC di seluruh dunia, globalisasi akan menjadi satu realiti.

Beliau juga menyarankan kepada MNC untuk menggunakan syarikat SMI tempatan bagi pengeluaran bahagian dan komponen serta perkhidmatan nilai nilai ditambah yang tinggi.

"MNC boleh menumpukan kepada integrasi sistem penting, pengujian atau pengeluaran komponen oleh firma tertentu," tambahnya.

Beliau juga yakin hubungan merentasi sempadan akan menggalakkan bukan sahaja hubungan antara syarikat besar dan kecil serta sederhana tetapi juga di kalangan pesertanya.

-- BERNAMA

DVS ZK OS